Sureeya Wutthisat & Anor lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO C-05–96 TAHUN 2009
AHMAD MAAROP, SULAIMAN DAUD DAN BALIA YUSOF HHMR
28 MEI 2012

B

Keterangan — Beban bukti — Beban bukti tertuduh — Sama ada tertuduh perlu meyakinkan mahkamah bahawa keterangannya lebih boleh dipercayai dari keterangan pendakwaan — Sama ada memadai untuk pembelaan tertuduh menimbulkan keraguan yang munasabah

C

Keterangan — Kenyataan — Percakapan beramaran — Sama ada percakapan beramaran boleh digunakan sebagai asas untuk pembebasan di akhir kes pendakwaan — Sama ada tertuduh berhak mengambil kesempatan dari percakapan beramarannya untuk menunjukkan bahawa ianya konsisten dengan keterangannya

D

E

Prosedur Jenayah — Perbicaraan — Beban bukti — Beban bukti tertuduh — Sama ada tertuduh perlu meyakinkan mahkamah bahawa keterangannya lebih boleh dipercayai dari keterangan pihak pendakwaan — Sama ada memadai untuk pembelaan tertuduh menimbulkan keraguan yang munasabah

F

Prosedur Jenayah — Perbicaraan — Keterangan — Percakapan beramaran — Sama ada percakapan beramaran boleh digunakan sebagai asas untuk pembebasan di akhir kes pihak pendakwaan — Sama ada tertuduh berhak mengambil kesempatan dari percakapan beramarannya untuk menunjukkan bahawa ianya konsisten dengan keterangannya

G

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Pengedaran — Kanabis — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Dadah ditemui tersembunyi dalam van yang dipandu oleh perayu — Sama ada hakim perbicaraan gagal memberikan atau merekodkan alasan-alasan dengan nyata sebelum memutuskan terdapat kes prima facie — Sama ada hakim perbicaraan gagal memberikan alasan untuk menunjukkan dapatan afirmatif tentang milikan — Sama ada hakim bicara gagal menimbangkan pernyataan perayu dalam percakapan beramarannya — Sama ada perayu menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan — Sama ada sabitan selamat

H

I

Perayu-perayu telah dituduh dengan satu pertuduhan bahawa mereka bersama-sama dalam melaksanakan niat bersama mereka telah pada 24 April

2004 mengedar 18,754g kanabis di Stesen Minyak Esso, Bentong, Pahang, suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Menurut pihak pendakwaan, sepasukan anggota polis termasuk SP4 telah membuat operasi serbuan di stesyen minyak tersebut. Apabila SP4 nampak sebuah van masuk ke stesyen minyak tersebut, SP4 dan anggota pasukannya telah menyerbu van tersebut. SP4 memperkenalkan dirinya sebagai polis kepada perayu-perayu yang ada di dalam van tersebut. Perayu-perayu cuba keluar dari van tersebut untuk melarikan diri tetapi telah berjaya ditangkap. SP4 telah melakukan pemeriksaan terperinci di bahagian belakang van tersebut dan mendapati ada bahagian lantai belakang van tersebut yang telah diskru. Setelah membuka skru tersebut, dan mengangkat kepingan logam penutup bahagian lantai tersebut, SP4 mendapati dadah disorokkan dalam satu ruang yang dibina khas. Perayu pertama dalam pembelaannya telah mengatakan bahawa dia telah membeli van tersebut pada bulan Ogos 2003. Dalam bulan Oktober 2003, perayu pertama tidak mampu hendak membayar ansuran bulanan dan telah menjual van tersebut kepada seorang bernama Jali yang telah ditemukan oleh perayu kedua. Selepas itu Jali telah mengambil dan membawa pergi van itu. Menurut perayu pertama, pada pagi hari kejadian, perayu kedua telah berjumpanya dan meminta perayu pertama menolongnya menghantar van tersebut kepada seorang bernama Pok Ku di Bentong. Apabila mereka sampai di stesyen minyak tersebut, mereka telah meninggalkan van tersebut tanpa mematikan enjinnya dan telah pergi untuk minum. Pada masa itu mereka telah ditangkap oleh polis. Keterangan perayu pertama disokong oleh keterangan perayu kedua. Perayu-perayu menafikan sebarang pengetahuan mengenai dadah tersebut. Mahkamah Tinggi telah mendapati perayu-perayu bersalah, mensabitkan mereka dan menjatuhkan hukuman mati terhadap mereka. Perayu-perayu telah merayu terhadap keputusan tersebut atas alasan bahawa hakim bicara: (i) telah gagal membuat pernilaian maksima terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan; tidak membuat dapatan afirmatif tentang pemilikan; dan tidak memberikan alasan-alasan kenapa beliau mendapati pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie (alasan pertama); (ii) telah meletakkan beban yang lebih tinggi terhadap perayu-perayu (alasan kedua); (iii) gagal menilai dengan secukupnya kes perayu-perayu (alasan ketiga).

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Walaupun tidak terdapat peruntukan undang-undang yang menghendaki hakim bicara merekodkan alasan-alasannya dengan nyata sebelum memutuskan bahawa kes prima facie telah terbukti terhadap perayu-perayu dan memerintahkan mereka membela diri mereka, adalah penting hakim bicara menyediakan satu alasan penghakiman yang mengandungi alasan-alasan yang menjelaskan keputusan yang telah dibuat oleh beliau dalam kes tersebut (*speaking judgment*) (lihat perenggan 10).

(2) Dalam alasan penghakimannya di bawah tajuk 'pendahuluan', hakim bicara telah merujuk kepada pertuduhan terhadap perayu-perayu serta saksi-saksi yang dipanggil oleh pendakwaan dan pembelaan. Selepas itu hakim bicara menghuraikan fakta kes. Ini adalah satu kesilapan. Ucapan pembukaan yang diperuntukkan di bawah s 179 Kanun Acara Jenayah bukanlah keterangan. Fakta-fakta kes tidak dibuktikan oleh ucapan pembukaan. Hakim bicara juga tidak memberikan alasan-alasan kenapa beliau memutuskan bahawa kes prima facie telah terbukti. Juga tidak ada apa-apa dalam alasan penghakiman untuk menunjukkan bahawa beliau telah membuat dapatan afirmatif tentang *possession*. Ini adalah kesilapan yang dilakukan oleh Hakim bicara. Kesilapan-kesilapan yang dibuat oleh hakim bicara di bawah alasan pertama itu sahaja mewajarkan perayu-perayu dilepas dan dibebaskan (lihat perenggan 11–14).

(3) Berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, anggapan di bawah s 37(h) ADB terpakai, dan sehingga dibuktikan sebaliknya, dadah berbahaya tersebut hendaklah dianggap telah disorokkan dengan pengetahuan perayu pertama sebagai *person in charge* motorvan tersebut. Keterangan juga membawa kepada satu kesimpulan sahaja iaitu bahawa perayu kedua terlibat dalam perbuatan perayu pertama mengedar dadah berbahaya tersebut pada menjalankan niat bersama mereka. Satu kes prima facie bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya telah terbukti terhadap perayu-perayu (lihat perenggan 17–18).

(4) Hakim bicara telah membuat kesilapan mengenai beban yang dipikul oleh pihak pembelaan. Hakim bicara berpendapat di akhir kes pembelaan, mahkamah perlu mempertimbangkan keterangan siapa yang lebih dipercayai — keterangan pihak pendakwaan atau keterangan pihak pembelaan. Ini adalah satu salah arahan yang serius. Ia menyalahi prinsip yang telah diputuskan dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263. Untuk memperolehi pelepasan dan kebebasan, perayu-perayu tidak perlu meyakinkan mahkamah bahawa keterangan mereka adalah lebih boleh dipercayai dari keterangan pihak pendakwaan. Walaupun mahkamah tidak mempercayai pembelaan mereka, tetapi pembelaan itu menimbulkan keraguan yang munasabah itu sudah memadai untuk membolehkan mereka dilepas dan dibebaskan (lihat perenggan 21).

(5) Hakim bicara gagal menimbangkan pernyataan perayu pertama dalam percakapan beramarannya (D93) dan pernyataan perayu kedua dalam percakapan beramarannya (D94) yang masing-masingnya telah diberikan kepada dua orang pegawai polis yang berlainan dua hari selepas mereka ditangkap. Walaupun D93 tidak boleh digunakan sebagai asas untuk suatu perintah pembebasan di akhir kes pihak pendakwaan, apabila perayu pertama memberikan keterangan dalam pembelaannya berdasarkan kepada D93 dia berhak mengambil kesempatan dari

percakapannya itu dan menunjukkan bahawa ianya konsisten dengan keterangannya. Begitu juga dengan D94. Percakapan perayu-perayu dalam D93 dan D94 adalah konsisten dalam butir-butir yang material dengan keterangan mereka di mahkamah (lihat perenggan 33).

(6) Berdasarkan kepada keterangan pihak pembelaan, perayu-perayu telah menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Jika hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul mengenai undang-undang yang terpakai dan keseluruhan keterangan yang dikemukakan dalam kes ini, beliau tidak akan mendapati perayu-perayu bersalah. Sabitan terhadap perayu-perayu adalah tidak selamat (lihat perenggan 34).

[English summary

The appellants were faced with a charge that they had, in carrying out a common intention, on 24 April 2004, trafficked in 18,754g of cannabis at the Esso Petrol Station, Bentong, Pahang, an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). According to the prosecution, a team of police party including SP4 carried out an ambush at the petrol station. When SP4 saw a van entering the petrol station, SP4 and his party ambushed the van. SP4 introduced himself as a police to the appellants who were in the van. The appellants tried to exit the van to run away but had been successfully apprehended. SP4 carried out a detailed search at the back flooring of the van and found a part of the back of the van had been screwed. Upon unscrewing it, and removing the metal piece which covered the flooring, SP4 found drugs were concealed at a specially built compartment. The first appellant in his defence stated that he had purchased the van in August 2003. In the month of October 2003, the first appellant could not afford to pay the monthly installment and had sold the van to one Jali who had been introduced by the second appellant. Thereafter, Jali had taken away the van. According to the first appellant, on the day of incident, the second appellant had met with him and asked him to help him sending the van to one Pok Ku in Bentong. When they arrived at the petrol station, they had left the van without turning off the engine and had gone for a drink. At the material time they were arrested by the police. The first appellant's testimony was corroborated by the second appellant. The appellants denied any knowledge of the drugs. The High Court found the appellants guilty, convicted and sentenced them to death. The appellants appealed against the decision on the grounds that the trial judge had: (i) failed to make maximum evaluation of the evidence adduced by the prosecution; did not make affirmative findings of possession; and did not give reasons why he found the prosecution had established a prima facie case (first ground); (ii) had put a higher burden on the appellants (second ground); and (iii) had failed to sufficiently evaluate the appellant's case (third ground).

Held, allowing the appeal:

(1) Although there was no provision in law requiring the trial judge to record

his grounds clearly before deciding that a prima facie case had been proven against the appellants and ordering them to enter defence, it was important for the trial judge to prepare the grounds of judgment containing the reasons explaining the decision arrived at by him in the case (speaking judgment) (see para 10).

(2) In his grounds of judgment under the title 'pendahuluan', the trial judge had referred to the charge against the appellants and the witnesses called by the prosecution and the defence. Thereafter the trial judge explained the facts of the case. This was an error. The opening speech provided under s 179 of the Criminal Procedure Code was not evidence. The facts of the case were not proved by the opening speech. The trial judge also had not provided the reasons as to why he had concluded that a prima facie case was made out. Also there was nothing in the grounds of judgment to show why he had made affirmative findings of possession. This was an error on the part of the trial judge. The error made by the trial judge under the first ground itself warranted the appellants to be acquitted and discharged (see paras 11–14).

(3) Based on the evidence adduced by the prosecution, the presumption under s 37(h) of the DDA was applicable, and until the contrary was proven, the dangerous drugs must be presumed to have been concealed with the first appellant's knowledge as the person in charge of the van. The evidence also pointed to only one conclusion ie that the second appellant was involved in the actions of the first appellant trafficking in the dangerous drugs in carrying out their common intention. A prima facie case for the offence of trafficking in dangerous drugs had been proven against the appellants (see paras 17–18).

(4) The trial judge had erred on the burden borne by the defence. The trial judge opined at the end of the defence case that the court ought to weigh as to whose evidence was more credible — the evidence of the prosecution or the defence. This was a serious misdirection. It was against the principles enunciated in the case *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263. In order to be acquitted and discharged, the appellant need not convince the court that their evidence was more credible than the evidence of the prosecution. Although the court did not believe their defence, however, the defence had raised a reasonable doubt and that was sufficient to enable them to be discharged and acquitted (see para 21).

(5) The trial judge had failed to consider the statement of the first appellant in his cautioned statement (D9) and the statement of the second appellant in his cautioned statement (D94) which was given to two different police officers respectively two days after they were arrested. Although D93 could not be used as the basis for an order of acquittal at the end of the prosecution case, when the first appellant testified in defence based on D93 he was entitled to take advantage of his statement

and show that it was consistent with his evidence. The same goes to D94. The appellants' statement in D93 and D94 was consistent in the material details with their testimony in the court (see para 33).

(6) Based on the evidence of the decence, the appellants had raised a reasonable doubt on the prosecution's case. If the trial judge had ordered himself correctly as to the applicable law and the whole of the evidence adduced in this case, he would not have founds the appellants guilty. The conviction against the appellants was not safe (see para 34).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai beban bukti tertuduh, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 398–430.

Untuk kes-kes mengenai keterangan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 5607–5608.

Untuk kes-kes percakapan beramaran, lihat 7(2) *Malla's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 2734–2763.

Untuk kes-kes mengenai s 39(1)(a), lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 481–669.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Najib bin Aris v PP [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800, MP (dirujuk)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Balasingham v PP [1959] MLJ 193 (dirujuk)

Ganapathy a/l Rengasamy v PP [1998] 2 MLJ 577, MP (dirujuk)

Junaidi bin Abdullah v PP [1993] 3 MLJ 217, MA (dirujuk)

Mardani bin Hussin v PP [2011] 4 MLJ 83; [2009] 6 CLJ 301, MR (dirujuk)

Mat v PP [1963] MLJ 263 (dirujuk)

Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)

Muhammed bin Hassan v PP [1998] 2 MLJ 273; [1998] 2 CLJ 170, MP (dirujuk)

Nasaruddin bin Daud & Anor v PP and another appeal [2010] 6 MLJ 35, MR (dirujuk)

Pang Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 137, MA (dirujuk)

PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, MP (dirujuk)

PP v Adetunji Adeleye Sule [1993] 2 MLJ 70, MA (dirujuk)

PP v Mohd Bandar Shah bin Nordin & Anor [2008] 4 MLJ 556; [2008] 4 CLJ 859, MR (dirujuk)

PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2005] 6 AMR 203, MP (dirujuk)

PP v Muhamad Nasir bin Shaharuddin & Anor [1994] 2 MLJ 576, MT (dirujuk)

PP v Tan Tatt Eek & other appeals [2005] 2 MLJ 685, MP (dirujuk)

Tan Tang Sing v PP [2009] 6 CLJ 471, MR (dirujuk)

Yap Chai Chai & Anor v PP [1973] 1 MLJ 219, MP (dirujuk) A

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da), (h), 39B(1)(a), (2)
Kanun Acara Jenayah s 179
Kanun Keseksaan s 34 B

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–03 Tahun 2005 (Mahkamah Tinggi, Temerloh)

Hisham Teh Poh Teik (Mohamad Hanif Hassan bersamanya) (Teh Poh Teik & Co) bagi pihak perayu. C
Siti Rafidah bt Zainuddin (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ahmad Maarop HMR:

LATAR BELAKANG D

[1] Perayu pertama — Sureeya Wutthisat ('Sureeya') warga Thailand dan perayu kedua — Asan Tong ('Asan') juga warga Thailand telah dituduh dengan satu pertuduhan bahawa mereka bersama-sama dalam melaksanakan niat bersama mereka mengedar 18,754g cannabis pada 24 April 2004 jam lebih kurang 3.30 petang di Stesen Minyak Esso, Jalan Ketari, Bentong, Pahang, suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama. E

[2] Mahkamah Tinggi telah mendapati Sureeya dan Asan bersalah, mensabitkan mereka dan menjatuhkan hukuman mati terhadap mereka. Mereka telah merayu ke mahkamah ini. F

KES PIHAK PENDAKWAAN G

[3] Dari keterangan yang telah dikemukakan, inti pati kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut. Pada 24 April 2004 jam lebih kurang 3 petang K/Insp Azhar b Ahmad ('SP4') dari Bahagian Narkotik, IPD Maran, Pahang dan sepasukan anggota polis termasuk P/Insp Rusdi Abd Rashid ('SP11'), telah mengambil tempat masing-masing di Stesen Minyak Esso, Ketari, Bentong, Pahang ('Stesen Esso'). SP4 (yang mengetuai operasi serbuan pada hari tersebut), berada dalam keretanya bersama-sama dengan D/Kpl Zulkefli dan D/Sgn Rafit, di hadapan Stesyen Esso tersebut. Pada jam lebih kurang 3.30 petang hari tersebut, SP4 nampak sebuah m/van jenis Mitsubishi L200 dengan nombor pendaftaran Thailand — XE 1557 YALA ('m/van tersebut') datang dari arah Bentong masuk ke Stesen Esso dan berhenti di kiri pam minyak. SP4 dan anggota pasukannya telah menyerbu m/van tersebut. SP4 memperkenalkan dirinya sebagai polis kepada dua orang lelaki yang ada di H I

dalam m/van tersebut. Kedua-dua lelaki tersebut cuba keluar dari m/van tersebut untuk melarikan diri. SP4 berjaya menangkap pemandu m/van tersebut yang dicamkan sebagai Sureeya. SP11 dan D/Kpl Ahmad Sabri pula berjaya menangkap penumpang m/van tersebut yang dicamkan sebagai Asan.

[4] SP4 telah membuat pemeriksaan ke atas badan Sureeya dan Asan tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah. Kemudian SP4 telah memeriksa di bahagian dalam dan bahagian belakang m/van tersebut tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah. Selepas itu SP4 dan pasukannya telah membawa Sureeya dan Asan serta m/van tersebut ke IPD Bentong.

[5] Di IPD Bentong, SP4 telah melakukan pemeriksaan yang terperinci di bahagian belakang m/van tersebut. SP4 telah keluarkan semua kerusi yang boleh dialih (lihat gambar di ms 361, rekod rayuan Jil 2) dari bahagian belakang m/van tersebut. SP4 mendapati ada bahagian lantai belakang m/van tersebut yang telah diskru. Dengan menggunakan *screw driver* yang diperolehi dari dalam *dash board* m/van tersebut, SP4 telah membuka tujuh batang skru yang mengikat bahagian lantai tersebut. Kemudian SP4 telah mengangkat kepingan logam penutup bahagian lantai tersebut (gambar B ms 363, rekod rayuan) dan mendapati ada 19 ketulan mampat tumbuhan kering yang bersalut dengan kertas timah serta berikat dengan tali merah tersusun dalam ruang di lantai tersebut (lihat gambar C–D ms 361, rekod rayuan). SP4 telah merampas 19 ketulan mampat tersebut dan menyerahkannya kepada pegawai penyiasat kes ini — C/Insp Sarudin bin Mansor ('SP12') yang telah menghantarnya ke Jabatan Kimia Malaysia Petaling Jaya untuk dianalisa. Ahli Kimia Malaysia, Wan Rahimah bt Wan Ahmad ('SP1') telah mengesahkan bahawa bahan tumbuhan dalam 19 ketulan mampat tersebut adalah 18,754 gram cannabis, iaitu dadah berbahaya seperti yang diperuntukkan di bawah ADB.

[6] Ahli Kimia Malaysia, Shaari bin Desa ('SP9') telah memeriksa m/van tersebut dan juga kepingan logam dan tujuh skru yang mengikat kepingan logam penutup itu ke lantai. SP9 mendapati lantai bahagian belakang kenderaan tersebut telah dipotong keluar dan satu dulang berbentuk empat segi telah dipasang dan dikimpal pada bahagian lubang tersebut dan seterusnya dulang tersebut boleh ditutup menggunakan kepingan logam 'C' menggunakan tujuh batang skru 'C1'. Walau bagaimanapun kepingan logam 'C' bukan berasal daripada lantai kenderaan XE 1557 YALA yang dipotong. Ertinya, 19 ketulan mampat yang mengandungi 18,754g dadah berbahaya tersebut telah disorokkan dalam satu ruang yang dibina khas (*special compartment*).

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[7] Di hadapan kami, dalam mempertikaikan penghakiman YA hakim

bicara peguam yang mewakili Sureeya dan Asan telah menimbulkan beberapa alasan.

Alasan pertama: Alasan penghakiman yang disediakan oleh YA hakim bicara bukanlah satu 'speaking judgment'

[8] Teras hujah peguam Sureeya dan Asan di bawah tajuk ini ialah bahawa YA hakim bicara:

(a) telah gagal membuat pernilaian maksima terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan;

(b) tidak membuat dapatan affirmatif tentang pemilikan (*No affirmative finding of possession*); dan

(c) telah tidak memberikan alasan-alasan kenapa beliau mendapati pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap Sureeya dan Asan.

[9] Kes-kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2005] 6 AMR 203(FC), *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85(FC), *Ganapathy a/l Ramasamy v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 577, *Muhammed bin Hassan v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 273; [1998] 2 CLJ 91, *Public Prosecutor v Tan Tatt Eek & other appeals* [2005] 2 MLJ 685 telah dirujuk sebagai autoriti.

[10] Kami bersetuju dengan hujah peguam Sureeya dan Asan itu. Walaupun tidak terdapat peruntukan undang-undang yang menghendaki YA Hakim bicara merekodkan alasan-alasannya dengan nyata sebelum memutuskan bahawa kes prima facie telah terbukti terhadap Sureeya dan Asan dan memerintahkan mereka membela diri mereka (lihat *Yap Chai Chai & Anor v Public Prosecutor* [1973] 1 MLJ 219, *Junaidi bin Abdullah v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 217 dan *Nasaruddin bin Daud & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2010] 6 MLJ 35), adalah penting YA hakim bicara menyediakan satu alasan penghakiman yang mengandungi alasan-alasan yang menjelaskan keputusan yang telah dibuat oleh beliau dalam kes tersebut (*speaking judgment*). Hal ini telah dijelaskan oleh Mahkamah ini dalam *Ganapathy v Public Prosecutor* di mana dalam menyampaikan penghakiman majoriti mahkamah ini Shaik Daud HMR menyatakan:

> First and foremost, we would like, with respect, to mention here that the grounds of judgment of the learned judge are far from satisfactory in that they do not convey a 'speaking' judgment although the importance of this has been stressed in a number of decided cases. (See, for example, *Balasingam v Public Prosecutor* [1959] MLJ 193 per Ismail Khan J (as he then was) and *Murugiah v Public Prosecutor* [1941] MLJ 17 per Home J). They consist substantially of reproduction of prosecution witnesses'

testimonies in the form of questions and answers. The learned judge failed to analyse or assess these testimonies. He merely set them out and presumably accepted them without question. He has not set out the defence of the appellant with a view to assessing it, nor has he tested the defence by comparing it with the evidence adduced by the prosecution.

[11] Dalam kes di hadapan kami dalam alasan penghakimannya di bawah tajuk 'pendahuluan', YA hakim bicara telah merujuk kepada pertuduhan terhadap Sureeya dan Asan serta saksi-saksi yang telah dipanggil oleh pihak pendakwaan dan pembelaan. Selepas itu YA hakim bicara menghuraikan fakta kes. Memulakan huraiannya di bawah tajuk ini, YA hakim bicara menyatakan (di ms 12–13 rekod rayuan):

FAKTA KES

Fakta yang merangkumi kejadian ini dapat diperturunkan melalui ucapan pembukaan oleh Timbalan Pendakwa Raya seperti berikut:

(1) Pada 24.4.2004 jam lebih kurang 3.30 petang, C/Insp. Azhar bin Ahmad telah mengetuai sepasukan anggota polis dan membuat serbuan ke atas sebuah kenderaan jenis Mitsubishi no. Pendaftaran XE 1557 Yala di Stesen Minyak Esso, Jalan Ketari, Bentong, Pahang.

(2) Dalam serbuan tersebut, selepas satu pergelutan, C/Insp. Azhar dan pasukannya telah berjaya menahan kedua-dua tertuduh.

(3) C/Insp. Azhar kemudiannya telah membuat pemeriksaan badan terhadap kedua-dua tertuduh dan turut membuat pemeriksaan terhadap kenderaan terbabit tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah.

(4) Seterusnya C/Insp. Azhar dan pasukannya telah membawa kedua-dua tertuduh dan kenderaan yang terlibat pulang ke Balai Polis Bentong, Pahang dan telah menjalankan pemeriksaan lanjutan terhadap kenderaan tersebut.

(5) Hasil daripada pemeriksaan tersebut, C/Insp. Azhar telah mendapati bahagian bawah lantai bahagian belakang kenderaan tersebut telah diubahsuai dan di dalamnya disembunyikan dadah berbahaya dalam bentuk ketulan mampat daun kering sebanyak 19 ketulan. Kesemua ketulan tersebut dibalut menggunakan kertas timah dan plastik cerah serta diikat dengan tali berwarna merah.

(6) Ahli Kimia telah dipanggil sebagai saksi dan mengesahkan yang dadah berbahaya tersebut adalah jenis 'cannabis' seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya, 1952 dengan jumlah seberat 18,754 gram.

(7) Kedua-dua tertuduh dikatakan mempunyai niat bersama mengedar dadah berbahaya tersebut pada waktu dan tempat seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan.

[12] Dengan segala hormatnya, ini adalah satu kesilapan. Ucapan pembukaan (*opening address*) yang diperuntukkan di bawah s 179 Kanun Acara Jenayah bukanlah keterangan. Fakta-fakta sesuatu kes tidak dibuktikan oleh ucapan pembukaan. Fakta-fakta sesuatu kes bergantung kepada dan dibuktikan oleh keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi dalam perbicaraan. Ucapan pembukaan mengandungi pernyataan timbalan pendakwa raya tentang kesalahan terhadap orang yang kena tuduh dan keterangan yang dia bercadang hendak mengemukakan bagi membuktikan kesalahan terhadap orang kena tuduh. Berguna atau tidaknya keterangan yang dirujuk dalam ucapan pembukaan itu bergantung kepada soal sama ada keterangan tersebut dapat dibuktikan di mahkamah. Sebelum terbukti atau jika tidak terbukti, keterangan tersebut tidak mempunyai sebarang nilai dan tidak boleh dipertimbangkan oleh mahkamah dalam membuat sebarang dapatan.

[13] Selepas menghuraikan 'fakta kes', di bawah tajuk 'Perbicaraan kes', YA hakim bicara menyatakan bahawa mahkamah memutuskan satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan terhadap Sureeya dan Asan dan mereka telah dipanggil untuk membela diri. Sehingga peringkat ini, YA hakim bicara tidak menjelaskan bagaimana beliau mencapai keputusan tersebut. Beliau juga tidak memberikan alasan-alasan kenapa beliau memutuskan bahawa kes prima facie telah terbukti. Sehubungan ini di ms 29 rekod rayuan, YA hakim bicara menyatakan bahawa Sureeya dan Asan telah gagal mematahkan anggapan *statutory* di bawah s 37(da) ADB. Ertinya, di akhir kes pendakwaan beliau semestinya telah berpuas hati bahawa mens rea *possession* telah terbukti terhadap Sureeya dan Asan. Malangnya tidak ada apa-apa dalam alasan penghakiman untuk menunjukkan bahawa beliau telah membuat dapatan afirmatif tentang *possession*. Ini adalah satu lagi kesilapan yang dilakukan oleh YA hakim bicara. Kami dapati apa yang berlaku seterusnya ialah YA hakim bicara menyatakan bahawa beliau telah menilai kebenaran keterangan dalam pembelaan Sureeya dan Asan serta saksi-saksi mereka (mulai dari ms 14 hingga ke akhir penghakimannya), 'dalam menentukan akan apakah kesahihan kes pihak tertuduh di peringkat pembelaan ini berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah bagi mengenepikan kes kes pihak pendakwaan yang telah diputuskan sebagai prima facie itu. *Keraguan vang dimaksudkan itu mestilah merupakan suatu keterangan yang dapat meyakinkan pihak mahkamah akan kebenaran cerita yang disampaikan itu*'. Apa yang dinyatakan oleh YA hakim bicara itu juga merupakan satu lagi kesilapan dari segi *evidential burden* yang dipikul oleh Sureeya dan Asan. Kami akan menghuraikan kesilapan ini kemudian apabila kami memperkatakan tentang penilaian yang dibuat oleh YA hakim bicara terhadap kes pihak pembelaan.

[14] Adakah kesilapan-kesilapan yang dibuat oleh YA hakim bicara di bawah alasan pertama yang ditimbulkan peguam itu sahaja mewajarkan Sureeya dan

Asan dilepas dan dibebaskan?. Dalam hujah balasnya bagi pihak responden, timbalan pendakwa raya ('TPR') berhujah bahawa jika mahkamah ini memutuskan bahawa YA Hakim bicara telah tidak menilai dengan secukupnya keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, mahkamah ini boleh menilai keterangan tersebut, dan beliau memohon agar mahkamah ini berbuat demikian. Menurut TPR, jika ini dilakukan adalah nyata bahawa keterangan tersebut adalah cukup untuk membuktikan kes prima facie terhadap Sureeya dan Asan. Kes *Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800 telah dirujuk sebagai autoriti. Berdasarkan kepada autoriti tersebut kami telah menilai kesemua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan mempertimbangkan sama ada kes prima facie telah terbukti terhadap Sureeya dan Asan. Sehubungan ini tuduhan terhadap mereka adalah bahawa mereka 'bersama-sama … di dalam melaksanakan niat bersama' mereka telah mengedar dadah berbahaya. Ertinya, tuduhan tersebut menggunakan s 34 Kanun Keseksaan. Oleh yang demikian dalam kes ini pihak pendakwaan hanya perlu membuktikan bahawa salah seorang daripada mereka melakukan perbuatan itu, dan bahawa tertuduh yang seorang lagi itu mengambil bahagian dalam perbuatan itu pada menjalankan niat bersama mereka. Ini berbeza dengan satu pertuduhan yang hanya menggunakan perkataan 'bersama-sama' (*jointly*) tanpa merujuk kepada elemen perlaksanaan niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan, di mana pihak pendakwa perlu mengemukakan bukti yang mencukupi untuk membuktikan kesalahan (*guilt*) setiap orang kena tuduh itu sebagai satu pertimbangan yang berasingan (*separate exercise*). Hal ini dijelaskan oleh Visu Sinnadurai H dalam *Public Prosecutor v Muhamad Nasir bin Shaharuddin & Anor* [1994] 2 MLJ 576:

> One of the consequences of a joint charge is that the evidence adduced by the prosecution may not be sufficient to establish the guilt of each and every one of the accused. In cases of common intention, the prosecution need only establish that one of the accused committed the act and that the others participated in it in furtherance of a common intention. In cases of joint charges, however, the prosecution must adduce sufficient evidence to establish the guilt of each of the accused as a separate exercise.

[15] Dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Bandar Shah bin Nordin & Anor* [2008] 4 MLJ 556; [2008] 4 CLJ 859, Gopal Sri Ram HMR (kemudian HMP) dalam menyampaikan penghakiman mahkamah ini menyatakan:

> With great respect, we are of the view that there was no proper evaluation by the learned judge of the circumstantial evidence led by the prosecution. It must be borne in mind that to establish its case of trafficking against the respondents the prosecution was relying on the presumption under s 37(da) of the Act. In order to determine whether that presumption applied it was essential for the learned judge to find as a fact whether the respondents or either of them were found in possession of the cannabis in question.

[16] Mengenai *possession* pula, dalam *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, Arifin Zakaria HMP (kemudian Ketua Hakim Negara) dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> [16] It is trite that what constitutes 'possession' under s 37 of the Act is a question of law. (*See Yee Ya Mang v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 120 and *Public Prosecutor v Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585). It is however a question of fact whether in a given case a person can be said to be in possession of something. And in relation to drug found in a vehicle Shankar J in *Pendakwa Raya v Kang Ho Soh* [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 3 CLJ (Rep) 557, after considering a number of authorities, stated:
>
> > … those cases do not decide that in all cases a person who is in sole charge of a vehicle cannot be found to be in possession of articles being carried in it. As Thomson J himself said in *Tong Peng Hong v Public Prosecutor* at p 233:
> >
> > > If something be found, for example, in a bag which I am carrying or in a box to which I hold the key it is extremely reasonable to suppose, unless I produce some satisfactory evidence to the contrary, that I know all about it …
>
> Again, at p 234:
>
> > I am not saying for one moment that a drug may not be found in a vehicle in such circumstances as would in the absence of disproof or explanation lead the court to the conclusion, quite independently of any statutory presumption, that it was in the possession of the person in control of the vehicle.
>
> [17] Therefore, the presence of the three packages in the car without a plausible explanation from the respondent could give rise to a strong inference that he had knowledge that the packages contained drug or things of similar nature. (*See also Lim Beng Soon v Public Prosecutor* [2000] 4 SLR 589). We further agree with the prosecution that the fact that the drug was found wrapped in newspaper is no ground for saying that an inference could not be drawn against the respondent that he had the requisite knowledge. In this regard it is pertinent to refer to the observation of the Singapore Court of Appeal in *Zulfikar bin Mustaffah v Public Prosecutor* [2001] 1 SLR 633, at p 639:
>
> > 21. For the element of 'possession' (within the meaning of s 17 of the Misuse of Drugs Act) to be established, it must not only be shown that the accused had physical control of the drugs at the relevant time; the prosecution must also prove that the accused possessed the requisite knowledge as to the contents of what he was carrying: *see Warner v Metropolitan Police Commissioner* [1969] 2 AC 256; *Tan Ah Tee & Anor v Public Prosecutor* [1978–1979] SLR 211; [1980] 1 MLJ

A

49. In the course of the appeal before us, counsel for the appellant relied heavily on the fact that the contents of the bundles were securely wrapped in newspapers and could not be identified. We were accordingly invited to draw the inference that the appellant had no knowledge of the contents of the bundles.

B

22. We were unable to accede to this request. While the fact that the contents of the bundles were hidden from view may have been relevant in determining whether the requisite knowledge was absent, this factor should still not be given too much weight. Otherwise, drug peddlers could escape liability simply by ensuring that any drugs coming into their possession are first securely sealed in opaque wrappings. Rather, the court must appraise the entire facts of the case to see if the accused's claim to ignorance is credible. As Yong Pung How CJ remarked in *Public Prosecutor v Hla Win* [1995] 2 SLR 424 (at p 438):

C

D

In the end, the finding of the mental state of knowledge, or the rebuttal of it, is an inference to be drawn by a trial judge from all the facts and circumstances of the particular case, giving due weight to the credibility of the witnesses. (Emphasis added.)

E

[18] In *Ramis a/l Muniandy v Public Prosecutor* [2001] 3 SLR 534, the Singapore Court Appeal again propounded on the question of knowledge necessary to establish possession and at p 541 states:

Knowledge of drugs

F

The starting point in the consideration of this issue was that we had already concluded that the drugs was already on Ramis's motorcycles when he entered the vicinity and that he had physical control of the drugs. In the absence of any reasonable explanation by Ramis, these facts were sufficient to lead to a strong inference that Ramis knew that the bag found on his motorcycle contained drugs.

G

In *Tan Ah Tee*, Wee Chong Jin CJ, delivering the judgment of the court, said ([1978–1979] SLR 211 at 217–218; [1980] 1 MLJ 49 at p 52):

H

Even if there were no statutory presumptions available to the prosecution, once the prosecution had proved the fact of physical control or possession of the plastic bag and the circumstances in which this was acquired by and remained with the second appellant, the trial judges would be justified in finding that she had possession of the contents of the plastic bag within the meaning of the Act unless she gave an explanation of the physical fact which the trial judges accepted or which raised a doubt in their minds that she had possession of the contents within the meaning of the Act.

I

[19] The issue of knowledge necessary to establish possession came to be considered by the English House of Lords in the case of *Warner v Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356, which was

considered and relied upon by the Singapore Court of Appeal in *Zulfikar bin Mustaffah v Public Prosecutor*. In Warner the following question was posed to their Lordships:

> Whether for the purpose of s 1 of the Drugs (Prevention of Misuse) Act, 1964, a defendant is deemed to be in possession of a prohibited substance when to his knowledge he is in physical possession of the substance but is unaware if its true nature.

[20] At p 367 Lord Reid addressed the issue as follows:

> The object of this legislation is to penalise possession of certain drugs. So if mens rea has not been excluded what would be required would be the knowledge of the accused that he had prohibited drugs in his possession. It would be no defence, though it would be a mitigation, that he did not intend that they should be used improperly. And it is commonplace that, if the accused had a suspicion but deliberately shut his eyes, the court or jury is well entitled to hold him guilty. Further, it would be pedantic to hold that it must be shown that the accused knew precisely which drug he had in his possession. Ignorance of the law is no defence and in fact virtually everyone knows that there are prohibited drugs. So it would be quite sufficient to prove facts from which it could properly be inferred that the accused knew that he had a prohibited drug in his possession. That would not lead to an unreasonable result.

[21] In the same case Lord Morris answered the question in following manner:

> If there is assent to the control of a thing, either after having the means of knowledge of what the thing is or contains or being unmindful whether there are means of knowledge or not, then ordinarily there will be possession. If there is some momentary custody of a thing without any knowledge or means of knowledge of what the thing is or contains then, ordinarily, I would suppose that there would not be possession. If, however, someone deliberately assumes control of some package or container, then I would think that he is in possession of it. If he deliberately so assumes control knowing that it has contents, he would also be in possession of the contents. I cannot think that it would be rational to hold that someone who is in possession of a box which he knows to have things in it is in possession of the box but not in possession of the things in it. If he had been misinformed or misled as to the nature of the contents, or if he had made a wrong surmise as to them, it seems to me that he would nevertheless be in possession of them.

[22] Reverting to the present case, it is therefore incumbent upon the court to scrutinise the entire evidence before the court to see whether an inference can be drawn against the respondent that he knew about the drug in the three packages found in the car. It is not in dispute that the three packages were found hidden in the car under the driver's seat and under the front passenger's seat. He was alone in the car at the material time. One other

important factor of relevance is that the car had been in his possession for the past seven months prior to his arrest.

[17] Berdasarkan kepada keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan kami dapati pada hari kejadian lebih kurang jam 3.30 petang m/van tersebut tiba dan berhenti di Stesen Esso. Sureeya adalah pemandu m/van tersebut dan Asan adalah penumpangnya. Tidak ada orang lain lagi yang ada dalam van tersebut pada masa yang material. SP4 dan anggota pasukannya telah menyerbu m/van tersebut. Apabila SP4 memperkenalkan diri sebagai polis, Sureeya dan Asan cuba keluar dari m/van tersebut untuk melarikan diri tetapi mereka telah berjaya ditangkap oleh SP4 dan pasukannya. Sebagai pemandu m/van tersebut pada masa yang material Sureeya mempunyai kawalan dan jagaan ke atas apa-apa barang yang dibawa di dalamnya. Dalam kes ini apabila SP4 memperkenalkan diri sebagai polis, Sureeya telah cuba keluar dari m/van untuk melarikan diri. Pada kami hanya satu inference sahaja yang boleh dibuat iaitu Sureeya cuba melarikan diri kerana dia tahu tentang 19 ketulan mampat cannabis yang tersorok dalam m/van tersebut. Tambahan pula dalam kes ini 18,754g dadah berbahaya tersebut telah dijumpai tersorok dalam suatu ruang yang dibina khas di lantai di bahagian belakang m/van tersebut. Dalam keadaan sedemikian itu, anggapan di bawah s 37(h) ADB terpakai, dan sehingga dibuktikan sebaliknya, dadah berbahaya tersebut hendaklah dianggap telah disorokkan dengan pengetahuan Sureeya sebagai *person in charge* m/van tersebut.

[18] Bagi Asan pula, dia ada bersama-sama dengan Sureeya dalam m/van tersebut pada masa yang material dan dia juga telah cuba melarikan diri apabila SP4 memperkenalkan diri sebagai polis. Jika Asan berada dalam m/van tersebut untuk tujuan yang *innocent*, tidak ada sebab kenapa dia mesti cuba melarikan diri apabila SP4 memperkenalkan dirinya polis. Tanpa penjelasan dari Asan, kelakuannya itu menimbulkan inferens bahawa dia tahu tentang dadah berbahaya yang ada dalam m/van tersebut. Keterangan terhadap Asan tidak terhenti di situ. Menurut Saundi bin Ibrahim, Penolong Pegawai Penguatkuasa JPJ Kelantan ('SP6'), untuk proses kemasukan kenderaan dari Negara Thai ke Malaysia perlu dikemukakan lesen memandu asal, geran asal serta alih bahasa, borang JPK K(9) dan insurans. Semua ini adalah untuk mendapatkan *International Circulation Permit* ('ICP') yang diberi dari bulan ke bulan tetapi tidak melebihi tempoh 180 hari dalam setahun. Dalam kes ini ICP bagi m/van tersebut (P64) telah dikeluarkan oleh Ahdong a/l Jiang ('SP7') iaitu pegawai bawahan SP6 pada jam 7.54 pagi 24 April 2004, iaitu kira-kira 8 jam sebelum m/van tersebut diserbu polis di Bentong dan Sureeya dan Asan ditangkap. Juliani bt Abu Hadi ('SP5') bertugas sebagai kerani di Sekolah Memandu Sri Rantau, Rantau Panjang, Kelantan. Antara lainnya tugas SP5 ialah mengeluarkan insurans bagi kenderaan Negara Thai masuk ke Malaysia dan insurans kenderaan Malaysia masuk ke Negara Thai. Sehubungan ini SP5

telah mengeluarkan dokumen insurans bagi m/van tersebut. Bagi pengeluaran dokumen insurans tersebut geran dan lesen memandu yang telah dialih bahasa telah dikemukakan. Menurut geran alih bahasa tersebut (ms 321 rekod rayuan) m/van tersebut didaftar atas nama Sureeya. Walaupun begitu, dokumen insurans telah dikeluarkan atas nama Asan. Ini adalah kerana lazimnya ruang *insured*, iaitu, nama orang yang diinsuranskan diisi mengikut lesen memandu. Ertinya, lesen memandu Asan telah dikemukakan untuk memperolehi ICP itu. Dalam pengamatan kami, keseluruhan keterangan tersebut membawa kepada satu kesimpulan sahaja iaitu bahawa Asan terlibat atau mengambil bahagian dalam perbuatan Sureeya mengedar dadah berbahaya tersebut pada menjalankan niat bersama mereka. Pada hemat kami, berdasarkan kepada kekuatan keseluruhan keterangan tersebut, satu Tribunal yang munasabah yang telah mengarahkan dirinya dengan betul mengenai undang-undang yang terpakai dan fakta-fakta akan membuat kesimpulan bahawa satu kes prima facie bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya telah terbukti terhadap Sureeya dan Asan. Atas alasan ini keputusan YA hakim bicara memanggil mereka membela diri dapat dipertahankan.

Alasan kedua: YA hakim bicara telah meletakkan beban yang lebih tinggi terhadap Sureeya dan Asan

[19] Mengenai alasan ini, peguam merujuk kepada petikan berikut dalam alasan penghakiman YA hakim bicara:

> TANGGUNGJAWAB PEMBELAAN
>
> Sebelum kita menilai serta menganalisa akan keterangan-keterangan yang telah disampaikan oleh saksi-saksi, elok rasanya kita meneliti akan apakah keterangan yang telah disampaikan oleh tertuduh dan juga oleh saksi-saksinya bagi menilai kebenarannya di dalam kita menentukan apakah kesahihan kes pihak tertuduh di peringkat pembelaan ini berjaya menimbulkan suatu keraguan yang munasabah bagi menepikan kes pihak pendakwaan yang telah diputuskan sebagai 'prima facie' itu. Keraguan yang dimaksudkan itu mestilah merupakan suatu keterangan yang dapat meyakinkan pihak mahkamah kebenaran cerita yang disampaikan itu. Seandainya tugas tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya, maka dia berhak untuk menikmati faedah dari keraguan tersebut

[20] Menurut peguam, dari petikan tersebut YA hakim bicara berpandangan bahawa:

(a) mahkamah perlu memastikan kebenaran kes Sureeya dan Asan; dan

(b) sama ada kebenaran kes Sureeya dan Asan telah menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan.

[21] Peguam berhujah bahawa oleh yang demikian YA hakim bicara berpendapat bahawa satu keraguan yang munasabah akan ditimbulkan hanya jika mahkamah yakin tentang kebenaran kes pihak pembelaan. Ini menurut peguam, adalah satu salah arahan yang serius yang telah memprejudiskan Sureeya dan Asan kerana dengan beban yang lebih tinggi itu, pembelaan mereka kelihatan lemah dalam pandangan mahkamah. Menurut peguam, YA hakim bicara sepatutnya telah mengikuti arahan yang telah diputuskan dalam kes yang tidak asing lagi iaitu *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263. Dalam kes *Mat v Public Prosecutor* itu mahkamah telah memutuskan bahawa walaupun mahkamah tidak yakin dengan kebenaran kes pembelaan, mahkamah tidak boleh menolak pembelaan itu dan membuat sabitan, tetapi hendaklah menyoal dirinya — sama ada pembelaan itu telah menimbulkan satu keraguan yang munasabah. Menurut peguam, ini telah gagal dilakukan oleh YA hakim bicara dan atas alasan ini sahaja sabitan tidak boleh dipertahankan. Kes *Pang Chee Meng v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 137, *Tan Tang Sing v Public Prosecutor* [2009] 6 CLJ 471 dan *Mardani bin Hussin v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 83; [2009] 6 CLJ 301 telah dirujuk sebagai autoriti. Sehubungan ini kami dapati ada beberapa bahagian lain dalam alasan penghakiman kes ini yang menunjukkan bahawa YA hakim bicara telah membuat kesilapan mengenai beban yang dipikul oleh pihak pembelaan. Pertama, di ms 19 rekod rayuan, YA hakim bicara menyatakan 'Persoalannya sekarang, keterangan siapakah yang sebenarnya untuk lebih dipercayai. Adakah keterangan SP4, SP8, SP10, SP11, SP12 lebih perlu diberikan penekanan dan tidak kepada keterangan SD1, SD2 dan SD4?'. Petikan itu memberi gambaran bahawa YA hakim bicara berpendapat di akhir kes pembelaan, mahkamah perlu mempertimbangkan keterangan siapa yang lebih dipercayai — keterangan pihak pendakwaan atau keterangan pihak pembelaan. Ini adalah satu salah arahan yang serius. Ia menyalahi prinsip yang telah diputuskan dalam *Mat v Public Prosecutor*. Untuk memperolehi pelepasan dan kebebasan, Sureeya dan Asan tidak perlu meyakinkan mahkamah bahawa keterangan mereka adalah lebih boleh dipercayai dari keterangan pihak pendakwaan. Kalau pun mahkamah tidak mempercayai pembelaan mereka, tetapi pembelaan itu menimbulkan keraguan yang munasabah itu sudah memadai untuk membolehkan mereka dilepas dan dibebaskan.

[22] Salah arahan yang serupa dapat dilihat di ms 20 rekod rayuan, di mana YA hakim bicara menyatakan:

> Berbalik kepada soal asal, adakah keterangan dari saksi pembelaan ini benar-benar dapat meyakinkan Mahkamah sehingga boleh mengenepikan kesahihan kes pihak pendakwaan yang diputuskan prima facie itu.

[23] Pada hemat kami pandangan dalam petikan itu menunjukkan bahawa YA hakim bicara telah meletakkan beban *evidential* yang tinggi ke atas bahu

Sureeya dan Asan. Ini adalah satu salah arahan yang serius dan nyata. Mereka tidak perlu mengemukakan keterangan untuk mengenepikan kes prima facie. Apa yang perlu mereka lakukan ialah menimbulkan keraguan yang munasabah.

[24] Berdasarkan kepada salah arahan dan salah arahan tersebut sebagai latar belakang kami mempertimbangkan alasan ketiga yang dihujahkan oleh peguam.

Alasan ketiga: YA hakim bicara gagal menilai dengan secukupnya kes Sureeya dan Asan

[25] Sureeya telah memberikan keterangan secara bersumpah. Intipati keterangannya ialah bahawa dia telah membeli m/van tersebut, iaitu sebuah kenderaan terpakai dalam bulan Ogos 2003 dengan harga 360,000 Thai Bat (RM36,000), yang dibayar secara ansuran bulanan sebanyak 5000 Bat (RM5,000). M/van tersebut telah di*finance* di Pattani Leasing. Dalam bulan Oktober 2003, Sureeya tidak mampu hendak membayar ansuran bulanan. Dia berjumpa kawannya Asan untuk tolong menjual kereta tersebut. Sureeya kenal Asan lebih kurang dua tahun sebelum itu sebab kedua-dua mereka bekerja dan tinggal di kawasan Golok. Dua hari selepas itu, Asan membawa seorang bernama Jali yang hendak menengok m/van tersebut. Jali adalah orang Rantau Panjang, Kelantan. Selepas mencuba m/van tersebut, Jali bersetuju untuk membelinya. Sureeya beritahu Jali jika dia hendak m/van itu dia perlu membayar 150,000 Bat (RM 15,000/=) dan menyambung bayaran ansuran bulanan m/van tersebut. Jali bersetuju, dan telah membayar 150,000 Bat kepada Sureeya. Selepas itu Jali telah mengambil dan membawa pergi m/van itu. Selepas m/van itu dijual, Sureeya tidak pernah memandu m/van tersebut lagi tetapi dia ada pernah melihat m/van tersebut dalam Pekan Golok dipandu oleh Jali. Selepas m/van itu dijual kepada Jali, Sureeya tidak menghadapi masalah dengan Pattani Leasing kerana Jali telah membuat bayaran ansuran dengan baik. Menurut Sureeya, masa dijual, hak milik m/van itu masih atas namanya kerana ansuran bulanan belum selesai. Masa dijual kepada Jali takungan (ruang) di lantai m/van tersebut memang telah ada tetapi ditutup dengan getah. Menurut Sureeya, bukan dia yang membuat takungan itu tetapi orang yang memiliki m/van tersebut sebelumnya.

[26] Meneruskan keterangannya, Sureeya menyatakan bahawa pada jam lebih kurang 7.30 pagi hari kejadian Asan telah berjumpanya di tempat kerja. Asan minta Sureeya tolong temankan dia hantar kereta kepada seorang bernama Pok Ku (yang tidak dikenali Sureeya) di Bentong. Asan memberitahu Sureeya bahawa kereta itu ada di tempat letak kereta di Rantau Panjang. Dari Golok ke Rantau Panjang, Sureeya dan Asan telah pergi ke Rantau Panjang

dengan motosikal Asan. Apabila sampai di tempat letak kereta tersebut, di kompleks di tepi sungai, Sureeya mendapati bahawa kereta yang dimaksudkan oleh Asan ialah m/van tersebut yang telah dijualnya kepada Jali. Sureeya nampak Jali juga berada di situ. Jaga tempat letak kereta itu ('SD4') juga ada di situ. Asan telah mengambil kunci m/van tersebut dari Jali. Selepas itu Asan memandu m/van tersebut. Sureeya duduk di sebelahnya. Asan memberitahu Sureeya bahawa Jali beri RM300/= sebagai upah. Baki RM200/= akan diberi oleh Jali selepas m/van tersebut dihantar kepada Pok Ku. Selepas pasport mereka dicop di Kompleks Kastam, mereka berlepas ke Bentong. Asan yang memandu kereta. Apabila tiba di Raub, Asan meminta Sureeya memandu m/van tersebut. Mereka sampai ke Stesen Esso pada lebih kurang jam 3 petang hari kejadian. Asan ajak Sureeya naik ke kedai makan Cina yang terletak di sebelah Stesen Esso untuk minum. Asan beritahu tidak payah matikan enjin kereta kerana Pok Ku akan sampai untuk mengambil m/van tersebut. Semasa berada di kedai tersebut, Sureeya ada keluar dari kedai itu. Pada masa itulah dia dan Asan telah ditangkap oleh polis. Polis tanya Sureeya mana barang?. Sureeya menjawab dia tidak tahu barang apa, dan bahawa dia hanya hantar kereta sahaja. Sureeya menyatakan bahawa dia tidak cuba lari. Selepas ditangkap, mereka telah dibawa ke balai polis. Di balai polis, polis telah membuat pemeriksaan dan menjumpai dadah itu. Menurut Sureeya dia tidak tahu dadah itu milik siapa.

[27] Asan juga telah memberi keterangan secara bersumpah. Keterangan Sureeya tentang penjualan m/van tersebut kepada Jali (atau 'Li') disokong oleh keterangan Asan. Menurut Asan, dari masa Li beli kereta itu sehinggalah hari kejadian dia tidak pernah bawa m/van tersebut. Asan menyatakan bahawa pada 23 April 2004 lebih kurang jam 7 malam Li telah berjumpa dengannya di tempat dia bekerja dan mengajaknya untuk makan dan minum. Masa makan Li beritahu Asan bahawa dia hendak menjual m/van tersebut. Asan juga mendengar Li bercakap melalui telefon tentang dia (Li) kena hantar m/van itu. Berikutan itu pada lebih kurang jam 7 pagi hari kejadian, Li telah jumpa Asan di tempat kerja. Li minta Asan tolong hantar m/van tersebut kepada Pok Ku ('SP8') di Bentong. Upah untuk menghantar kereta itu ialah RM500/=. Li beri Asan RM300/= dahulu. Baki RM200/= akan dibayar kemudian. Selepas Li balik, Asan pergi ke tempat Sureeya bekerja dan mengajaknya untuk hantar m/van tersebut ke Bentong. Dari rumah Sureeya, Asan dan Sureeya masuk ke Rantau Panjang dengan motosikal Asan. Asan membawa motosikal itu pergi ke tempat letak kereta dekat Kompleks Imigresen Rantau Panjang. Di tempat letak kereta itu, Asan telah menemui Li yang sedang menunggu di situ. Li beri kunci m/van tersebut kepada Asan. Pada masa itu penjaga tempat letak kereta itu ('SD4') juga berada di situ. Selepas itu Li beri Asan nombor telefon Pok Ku. Semasa menerima kunci m/van tersebut dari Li, Asan tidak melihat apa-apa yang mencurigakan di belakang m/van tersebut. Mereka bertolak dari tempat letak kereta tersebut pada lebih kurang jam 7.30 pagi. Selepas itu Asan telah pergi ke kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mendapatkan ICP. Untuk

ini antara lainnya Asan telah mengemukakan polisi insurans dan geran m/van tersebut. Selepas memperolehi ICP, mereka bertolak ke Bentong. Dari Rantau Panjang, Asan yang memandu m/van tersebut. Sureeya duduk di sebelahnya. Dalam perjalanan selepas Kuala Krai, Asan menelefon Pok Ku dan memberitahu Pok Ku bahawa dia dalam perjalanan dan bahawa Jali menyuruhnya menghantar m/van tersebut. Apabila sampai di Pekan Raub, Asan telah meminta Sureeya memandu m/van tersebut. Mereka tiba di Bentong jam 3 petang. Sureeya telah memberhentikan m/van tersebut di Stesen Esso. Asan menelefon Pok Ku. Pok Ku meminta Asan menunggu sekejap. Asan memberitahu Sureeya supaya jangan mematikan enjin m/van itu kerana Pok Ku akan sampai sebentar lagi. Selepas itu Asan dan Sureeya pergi ke kedai makan Cina berhampiran Stesen Esso itu untuk makan. Semasa dalam kedai, Sureeya ada tanya Asan kenapa lama sangat. Asan menjawab tunggu sekejap. Selepas itu Sureeya keluar dan berdiri di hadapan kedai itu. Asan berada di dalam kedai. Polis sampai dan menangkap mereka. Menurut Asan dia tanya polis kenapa dia ditangkap. Asan beritahu polis dia tidak ada bawa barang salah dan bahawa dia hanya hantar kereta sahaja. Selepas ditangkap, dia dan Sureeya telah dibawa ke balai polis di mana polis telah menjumpai dadah dalam m/van tersebut. Asan menafikan bahawa dia tahu apa yang dia bawa. Asan juga menafikan bahawa dia datang ke Bentong membawa dadah.

[28] Dalam menilai pembelaan Sureeya dan Asan, YA hakim bicara telah menekankan kepada penafian Sureeya dan Asan bahawa mereka ditangkap semasa mereka berada dalam kenderaan. YA Hakim berpendapat bahawa perbuatan Sureeya dan Asan meninggalkan m/van tersebut tidak berkunci di Stesen Esso dengan enjinnya tidak dimatikan apabila mereka pergi minum di kedai makan Cina berhampiran bukanlah perbuatan orang yang waras. Menurut YA hakim bicara, keterangan Sureeya dan Asan itu adalah 'sukar untuk diterima … apatah lagi untuk mempercayai akan kebenarannya' kerana itu adalah kali pertama mereka datang ke Bentong. Menurut YA hakim bicara, sesiapa pun dalam keadaan yang sedemikian sudah pasti akan lebih berhati-hati serta berhemah. YA hakim bicara gagal mempertimbangkan bahawa keterangan Sureeya dan Asan itu juga adalah konsisten dengan pembelaan mereka bahawa mereka tidak tahu dalam m/van itu ada dadah. Jika mereka tahu bahawa dalam m/van itu ada dadah berbahaya yang banyak pasti mereka akan lebih berhati-hati untuk meninggalkan m/van tersebut. Kemudian, YA hakim bicara membuat kesimpulan bahawa Sureeya dan Asan telah memberikan keterangan sedemikian untuk menunjukkan bahawa mereka adalah orang yang lurus dan tidak ada apa yang hendak dibimbangkan. Lantaran itu, YA Hakim bicara tetap menerima keterangan SP4 sebagai benar tentang di mana dan bagaimana Sureeya dan Asan ditangkap. YA hakim bicara berpendapat keterangan SP4 adalah lebih 'credible' berbanding dengan keterangan Sureeya dan Asan. Itu sahaja adalah tidak memadai. Walaupun YA hakim bicara berpendapat keterangan SP4 lebih 'credible', beliau mesti juga mempertimbangkan sama ada keterangan Sureeya dan Asan menimbulkan

keraguan yang munasabah dalam kes pihak pendakwaan (lihat *Mat v Public Prosecutor*). Dalam pengamatan kami, ini gagal dilakukan oleh YA hakim bicara.

[29] Seterusnya YA hakim bicara telah merujuk kepada keterangan Sureeya dan Asan bahawa tugas mereka hanyalah menghantar m/van tersebut kepada Pok Ku seperti yang diminta oleh Li, tanpa mengetahui bahawa ada ganja di dalam m/van yang mereka pandu itu. YA hakim bicara menyatakan bahawa tiada keterangan dikemukakan oleh pihak pembelaan bahawa 'Li' mungkin telah meletakkan dadah tersebut dalam m/van itu. Menurut YA hakim bicara, inferens tidak boleh dibuat bahawa Li adalah orang yang menjadi dalang meletakkan dadah tersebut memerangkap Sureeya dan Asan. Mengenai keterangan pihak pembelaan bahawa Li telah membeli m/van tersebut, YA hakim bicara menyatakan bahawa tiada bukti konkrit (keterangan dokumentasi) dikemukakan oleh pihak pembelaan sama ada dalam bentuk surat perjanjian atau sebarang resit mengenai bayaran yang dibuat oleh Li. Sehubungan ini, YA hakim bicara menyatakan bahawa adalah tidak munasabah untuk menyalahkan pihak polis kerana tidak menjalankan siasatan yang lengkap dan tidak cuba mengesan Li. YA hakim bicara menambah 'sepatutnya, demi untuk menguatkan kes serta pembelaan mereka, tugas tersebut sewajarnya dipikul serta dilakukan oleh tertuduh-tertuduh. Walaupun tidak sampai ke tahap membawa Li tersebut ke mahkamah ini. Memadailah seandainya diutarakan keterangan bebas yang lain, baik berupa saksi mahupun keterangan dokumentasi'.

[30] Sebenarnya apa yang disebutkan oleh YA hakim bicara itu telah pun dilakukan oleh pihak pembelaan. Selain dari keterangan Sureeya dan Asan secara bersumpah, pihak pembelaan telah memanggil SD4 memberikan keterangan. YA hakim bicara menyatakan bahawa 'keterangan SD4 agak meragukan dari segi kesahihannya,' atas alasan-alasan berikut. Pertama, menurut YA hakim bicara 'di peringkat awal lagi, dia silap menyebutkan yang pekerjaannya ialah sebagai pembawa motor, seperti tugas part-time tertuduh pertama'. Kedua, YA hakim bicara menyatakan 'Adakah ia saksi yang berkepentingan, kemungkinan tersebut ada kemunasabahannya, demi untuk membantu tertuduh-tertuduh ini, khususnya tertuduh pertama'. Tentang alasan — iaitu SD4 silap menyebut pekerjaannya sebagai pembawa motor, kami tidak faham dari mana YA hakim bicara memperolehi keterangan tersebut. Kami telah meneliti keterangan SD4, tetapi kami mendapati tidak ada di mana-mana dalam keterangannya SD4 menyatakan bahawa pekerjaannya adalah pembawa motor. Apa yang jelas dari keterangan SD4 ialah dia berkerja sebagai 'jaga parking' di tempat letak kereta berhampiran Kompleks Imigresen di Rantau Panjang. Mengenai alasan kedua, YA hakim bicara sendiri pun tidak pasti sama ada SD4 adalah saksi yang berkepentingan atau tidak. Menurut YA hakim bicara kemungkinannya untuk membantu

tertuduh ada. Tetapi apakah asas pandangan YA hakim bicara itu? Dalam pemeriksaan balas SD4 pun TPR tidak menyoal SD4 tentang soal ini, dan tiada soalan langsung, dan tiada cabaran dibuat bahawa dia memberi keterangan tidak benar untuk membantu Sureeya dan Asan. Kalaupun dianggapkan bahawa SD4 adalah saksi yang berkepentingan sekalipun, tidak ada anggapan undang-undang bahawa keterangannya tidak boleh dipercayai, melainkan terdapat sebab-sebab yang boleh diyakini untuk tidak mempercayainya berdasarkan kepada keterangan sebaliknya dan keadaan sekeliling (lihat *Balasingham v Public Prosecutor* [1959] MLJ 193). YA hakim bicara menyatakan bahawa 'hanya bergantung kepada keterangan SD4 sahaja untuk menunjukkan akan kewujudan Li adalah tidak mencukupi dan ia diragui. la tidak cukup kukuh dan sukar diyakini. Kebolehpercayaan terhadap keterangan saksi ini memang amat meragukan.' YA hakim bicara seterusnya menyatakan 'Namun, jika dilihat kepada isi keterangannya sekalipun, ia tidak menyatakan yang 'Li' yang telah meletakkan dadah-dadah itu ke dalam kenderaan tersebut. Hanya dinyatakan yang dia nampak 'Li' berbual sahaja dengan tertuduh-tertuduh ini … di dalam kes ini, ternyata 'Li' ini adalah rekaan mereka semata-mata.'

[31] Dalam pandangan kami, hanya kerana dalam keterangan SD4 tidak ada dinyatakan bahawa 'Li' yang telah meletakkan dadah itu ke dalam m/van tersebut, tidak bererti bahawa watak 'Li' dan peranannya dalam kes ini adalah rekaan Sureeya dan Asan semata-mata. Kecuali jika SD4 adalah rakan sejenayah atau kuncu-kuncu Li yang tahu tentang kegiatan Li, adalah tidak cerdik bagi Li meletakkan dadah dalam m/van tersebut di hadapan mata SD4. Jika m/van itu ada dalam kawalannya, Li boleh meletakkan dadah tersebut pada bila-bila masa sebelum hari kejadian. Keterangan SD4 bukan setakat dia nampak 'Li berbual sahaja dengan tertuduh-tertuduh'. SD4 nampak (dari jarak dekat) Li memberi kunci kepada Asan. Selepas itu dia nampak Sureeya dan Asan masuk dalam m/van tersebut dan beredar dari situ. Keterangan SD4 tentang apa yang dilihatnya berlaku di tempat letak kereta pada pagi hari kejadian itu perlu dinilai bersekali dengan keterangan SD4 yang lain yang berkaitan dengan Li. SD4 mengecam m/van tersebut sebagai kereta Li. Menurut SD4:

> Kereta itu lama sudah di parking di situ. Saya ada lihat lebih kurang 4 bulan kereta itu di parking di situ. Lebih kurang dalam 3 kali seminggu dia parking di situ. Biasanya dia akan seberang sungai pergi ke Pekan Golok. Pergi buat apa, saya tidak tahu.
>
> Selama tempoh empat bulan itu, saya tidak pernah lihat orang lain yang pandu kereta itu. 'Li' sahaja yang pandu. 'Li' ini lebih kurang Sureeya — tapi dia rendah sedikit. 'Li' ini 'smart' pakaiannya.

[32] Menurut SD4, pada 23 April 2004 dia bekerja dari jam 6 pagi hingga 6 petang. Selepas dia habis kerja, Li kata dia hendak tinggalkan m/van tersebut

kerana dia hendak pergi seberang. Selepas habis kerja SD4 balik ke rumah. Apa yang terjadi pada m/van tersebut SD4 tidak tahu. Pada hari kejadian, SD4 mula berkerja pada jam 6 pagi. Pada jam 6.45 pagi Li datang meletakkan m/van tersebut di tempat letak kereta tersebut. Li beritahu SD4 dia hendak tunggu kawan. Pada jam 7.30 pagi Sureeya dan Asan tiba di tempat letak kereta itu dengan sebuah motosikal. SD4 nampak Li memberi kunci kepada Asan. Keseluruhan keterangan SD4 itu tidak dicabar oleh pihak pendakwaan.

[33] Bukan seperti yang dinyatakan oleh YA hakim bicara, pihak pembelaan tidak hanya bergantung kepada keterangan SD4 semata-mata. Mereka bergantung kepada keterangan mereka secara bersumpah di mahkamah. Inti pati keterangan mereka telah pun kami huraikan di bahagian lain penghakiman ini. M/van tersebut telah dijual oleh Sureeya kepada Li dalam bulan Oktober 2003. Selepas dijual m/van itu dibawa oleh Li dan tidak lagi berada dalam kawalan Sureeya dan/atau Asan sehingga pada 7.45 pagi hari kejadian, apabila Asan dan Sureeya mengambil m/van itu untuk dihantar kepada SP8 di Bentong seperti yang diminta oleh Li, tanpa mereka mengetahui tentang adanya dadah dalam m/van itu. Pembelaan bahawa Li yang menyuruh mereka hantar m/van tersebut kepada SP8 tanpa mereka mengetahui tentang kewujudan dadah dalam m/van itu bukan timbul hanya di peringkat pembelaan. Ia telah disarankan (*put*) kepada SP4 dalam pemeriksaan balas. Keterangan Sureeya dan Asan bahawa selepas dijual m/van tersebut tidak berada dalam kawalan mereka disokong oleh keterangan SD4 yang menyatakan dia sering nampak Li meletakkan m/van tersebut kira-kira empat bulan sebelum hari kejadian. Seterusnya, SD4 nampak Li meletakkan m/van itu di tempat letak kereta tersebut pada petang 23 April 2004. Pada hari kejadian kira-kira jam 6.45 pagi dia nampak Li datang dan meletakkan m/van tersebut di situ. Keterangan SD4 juga menyokong keterangan Sureeya dan Asan bahawa pada jam 7.45 pagi hari kejadian, mereka datang ke tempat letak kereta itu dengan motosikal dan mengambil m/van tersebut. Kesemua ini tidak dipertimbangkan oleh YA hakim bicara. Selain itu, kami juga dapati bahawa YA Hakim bicara gagal menimbangkan pernyataan Sureeya dalam percakapan beramarannya (D93) dan pernyataan Asan dalam percakapan beramarannya (D94) yang masing-masingnya telah diberikan kepada dua orang pegawai polis yang berlainan pada 26 April 2004 iaitu dua hari selepas mereka ditangkap. Walaupun D93 tidak boleh digunakan sebagai asas untuk suatu perintah pembebasan di akhir kes pihak pendakwaan, apabila Sureeya memberikan keterangan dalam pembelaannya berdasarkan kepada D93 dia berhak mengambil kesempatan dari percakapannya itu dan menunjukkan bahawa ianya konsisten dengan keterangannya (lihat *Public Prosecutor v Adetunji Adeleye Sule* [1993] 2 MLJ 70). Begitu juga dengan D94, atas prinsip yang serupa seperti dalam kes Sureeya, Asan berhak mengambil kesempatan dari percakapannya itu dan menunjukkan bahawa ianya konsisten dengan keterangannya. Sehubungan ini percakapan Sureeya dalam D93 adalah konsisten dalam butir-butir yang material dengan keterangannya di

mahkamah. Percakapan Asan dalam D94 pula adalah konsisten dalam butir-butir yang material dengan keterangannya di mahkamah. Malangnya dalam penghakimannya, YA hakim bicara tidak menyentuh walau sedikit pun perkara-perkara yang baru kami huraikan ini. Pada hemat kami ini adalah satu salah arahan (dengan cara *non-direction*) yang serius dalam penilaian YA hakim bicara terhadap pembelaan. Apa yang perlu dilakukan oleh Sureeya dan Asan diakhir kes ialah — menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Agong dalam *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169:

> It is a well-established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case. In the course of the prosecution case, the prosecution may of course rely on available statutory presumptions to prove one or more of the essestial ingredients of the charge. When that occurs, the particular burden of proof as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumptions on the balance of probabilities which from the defence point of view is heavier than *the burden of casting a reasonable doubt*, but it is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt. To earn an acquittal at the close of the case for the prosecution under s 173(f) or s 180 of the Criminal Procedure Code, the court must be satisfied that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction (*Munusamy v PP*). *If the defence is called, the duty of the accused is only to cast a reasonable doubt in the prosecution case*. He is not required to prove his innocence beyond reasonable doubt. (Penekanan ditambah).

[34] Dalam pengamatan kami berdasarkan kepada keterangan pihak pembelaan yang telah kami huraikan, Sureeya dan Asan telah menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Jika YA hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul mengenai undang-undang yang terpakai dan keseluruhan keterangan yang dikemukakan dalam kes ini, kami tidak yakin beliau akan mendapati Sureeya dan Asan bersalah. Kami memutuskan bahawa sabitan terhadap Sureeya dan Asan adalah tidak selamat. Oleh itu rayuan Sureeya dan Asan dibenarkan. Sabitan dan hukuman terhadap Sureeya dan Asan diketepikan. Kami memerintahkan Sureeya dan Asan dilepas dan dibebaskan.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum